

Info MRSM Semporna

MRSM Semporna merupakan sebuah MRSM Ulul Albab yang ditubuhkan pada 15 Mei 2017. Ia terletak di Kg Bantayan kira-kira 11km dari Pekan Semporna. Kawasan persekitarannya merupakan kawasan pertanian.



Sejarah Penubuhan

Pada awal penubuhannya, MRSM ini ditadbir oleh seorang pengetua, En. Zakpar bin Mahput, 3 orang timbalan pengetua iaitu En. Shahariman bin Abd Rahman (Timbalan Pengetua Kecemerlangan Akademik), En. Syed Sabul bin Imam (Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar), En. Azizul Rahman bin Awang Maharum (Timbalan Pengetua Pembangunan Bakat) dan dibantu oleh Pn. Sitti Jamalia Binti Lorong (Penolong Pegawai Tadbir Kanan) bersama seorang Penolong Jurutera.



Dari kiri : Pn. Sitti Jamalia Binti Lorong, En. Shahariman bin Abd Rahman, En. Zakpar bin Mahput, En. Syed Sabul bin Imam dan En. Azizul Rahman bin Awang Maharum

Pengambilan Pelajar Kohort pertama terdiri daripada Pelajar Tingkatan 1 seramai 59 orang yang mendaftar pada 24 Julai 2017. Pelajar ini menumpang di MRSM Tawau (penempatan sementara) dan berpindah ke MRSM Semporna pada 2 Januari 2018.



24 Julai 2017 : Pendaftaran pelajar perintis MRSM semporna di Dewan Sri Ixora MRSM Tun Mustapha Tawau



2 Januari 2018 : Pendaftaran pelajar di MRSM Semporna dan merupakan hari pertama beroperasi sebagai institusi pendidikan.

Gambar awal penubuhan dan peristiwa penting



2 Mei 2013 : Majlis pecah tanah MRSM Semporna



Majlis Pecah Tanah MRSM Semporna dihadiri oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato'Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal dan Pengarah MARA.



MRSM Semporna diawal pembinaan.



26 Oktober 2016 : Lawatan Pemantauan projek MRSM Sempornma oleh PMN Sabah bersama ICU Negeri Sabah.



Lawatan diawal pembinaan MRSM Semporna oleh Pengarah BPM MARA Tn Hj Hamid bin Ahmad.



10 Julai 2017 : Mesyuarat Penyelarasan MRSM Semporna dan lawatan Pengarah BPM ke MRSM Semporna



2 Mac 2017 : Majlis Penyerahan Bangunan MRSM Semporna (Fasa 1)



1 Mac 2018 : Penyerahan
Sijil Menduduki Bangunan
dari Bahagian Binaan dan
Seggaraan kepada pengetua

**FALSAFAH
PENDIDIKAN**

Pendidikan MARA adalah satu usaha berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang.

VISI

MRSM Semporna berlitzam untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan yang bertaraf dunia, bberbudaya ilmu dan berinovatif berteraskan Al-Quran.

MISI

MRSM Semporna berusaha untuk melahirkan pelajar bumiputera yang berpotensi tinggi dalam semua bidang terutamanya dalam sains dan teknologi, berakhhlak mulia, berketerampilan, berorientasikan keusahawanan serta berdaya saing di peringkat global.

MOTTO

“The Epitome of a Holistic Generation”

MODUL QURANIK MRS M ULUL ALBAB

U: USWATUN HASANAH (MODEL CONTOH TERBAIK)

L: LILLAH (MELAKUKAN SETIAP PERBUATAN KERANA ALLAH)

U: UKHWAH (PERSAUDARAAN YANG UTUH)

L: LUBBUL KHULUQ (MENCONTOKI AKHLAK NABI SAW)

A: AMAL SOLEH (MELAKUKAN AMALAN YANG TERBAIK)

L: LIL QIADAH (DAYA PIMPIN YANG HEBAT)

B: BILHIKMAH (MENGURUS DENGAN KEBIJAKSANAAN)

A: AMAR MA'RUF NAHI MUNKAR (DAI'E)

B: BURHAN (BERTINDAK BERDASARKAN FAKTA)



DEFINASI ULUL ALBAB

Satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh tentang Al Quran, Ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Allah melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya. Perkataan "Ulul Albab" disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran al-Karim sebanyak 16 kali.

OBJEKTIF

Melahirkan generasi al Quran yang beriman, bertaqwah, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Melahirkan pelajar yang berlatarbelakangkan Sains dan Tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor diseluruh dunia seperti universiti al-Azhar, Mesir dan seumpama dengannya.

Melahirkan pelajar yang dapat menghafaz al-Quran 30 Juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRS M dan membina budaya Saintifik Al- Quran dengan pendekatan ICT sebagai pengupaya.

Melahirkan generasi al-Quran yang menguasai pelbagai bahasa utama dunia seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Jepun dan Bahasa Mandarin.

CIRI-CIRI ULUL ALBAB

1. QURANIK

Menghafaz 30 juzuk Al Quran dalam masa tiga tahun serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFFAS)

2. ENSIKLOPEDIK


Berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi sumber rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing. Matlamat ini dapat dicapai melalui program seperti berikut:

- i. Mengadakan kelas Bahasa Jepun, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin.
- ii. Menyediakan kemudahan ICT yang lengkap dan terkini.
- iii. Memberikan kemahiran-kemahiran asas seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan Kursus Kemahiran Berfikir (KKB).

3. IJTIHADIK

Berkeupayaan memberikan pandangan dalam penyelesaian permasalahan ummah, memaksimumkan keupayaan berfikir, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi. Hasrat ini dapat dicapai melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- i. Mewujudkan kelab-kelab berteknologi tinggi seperti avionik, robotik dan solar.
- ii. Aktiviti kokurikulum bagi memantapkan sahsiah, perkembangan minda dan fizikal para pelajar.
- iii. Aktiviti keusahawanan bagi melahirkan pelajar yang mampu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.



Model SPMRSM Ulul Albab